

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

THE STAR M/S7 NATION 5/4/2025 (SABTU)

Putra Heights fire victims to get new gadgets from Digital Ministry

KUALA LUMPUR: The Digital Ministry will distribute digital devices to victims of the Putra Heights gas pipeline fire.

Minister Gobind Singh Deo said many victims had reported losing devices such as laptops, mobile phones and internet equipment in the blaze.

In a statement, he announced that the ministry would provide 100 laptops, 100 tablets and 100 smartphones to those in need of the devices.

Gobind said applications for the devices can be submitted through the service centre of Kota Kemuning assemblyman S. Preakas.

"MyDigital Corporation, an agency under the Digital Ministry, will also work closely with the Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (Sidedc) and the Mentri Besar's Office to provide an online platform to ensure victims receive clear information and timely updates.

"I also take this opportunity to express my deepest gratitude to everyone who has worked tirelessly to help those affected," he said, reported Bernama.

The fire, which broke out at 8.10am on Tuesday in Jalan Putra Harmoni, affected 1,254 individuals from 308 families.



Listening ear: Gobind meeting with affected residents of the Jalan Putra Harmoni neighbourhood in Putra Heights. — Bernama

Eighty-seven homes were completely destroyed and rendered uninhabitable, while 148 houses sustained damage but remain livable with repairs.

As at 8am yesterday, 379 people from 97 families were still sheltering at the Putra Heights Mosque temporary evacuation centre.

The Malaysia Digital Economy Corporation will also provide 500 power banks, primarily for evacuees at the centre.

Meanwhile, Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir said the ministry is

providing medicine, counselling and also humanitarian aid to victims at the relief centre.

"We have also sent a psychological support team to help those experiencing trauma. They handle not only adults but also children. We also have the Siswa Madani team, comprising volunteers from various universities in the country," he said yesterday.

Zambry added that the ministry is identifying students affected by the incident to ensure they receive the necessary assistance to continue their studies.



Helping hand: Zambry speaking with a victim at the Putra Heights Mosque. — Bernama

Both of them have been granted flexible working hours, he said.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (pic) also assured that the medical and healthcare needs of victims would be fully met, including those with pre-existing conditions.

"I found that healthcare services have not been disrupted. We are also using MySejahtera, which provides us with immediate information about the medications required by the victims.

"Additionally, the Mental Health and Psychosocial Support Service is providing emotional support and helping to ensure victims' mental well-being," he told reporters after visiting the evacuation centre.



Youth and Sports Ministry staff affected by the fire will also be provided with appropriate assistance, with Deputy Minister Adam Adli Abdul Halim confirming that two staff members had been identified.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA

KOSMO SABTU 5 APRIL 2025

TRAGEDI LETUPAN & KEBAKARAN SALURAN GAS DI PUTRA HEIGHTS

NEGARA! 3

KOSMO M/s 3 NEGARA 5/4/2025 (SABTU)



KEBAKARAN saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya pada Selasa lalu menyebabkan penduduk mengalami kerugian besar ekoran kemusnahan harta benda.



DZULKEFLY menyantuni mangsa kebakaran yang mendapat perlindungan di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights, Subang Jaya semalam.

Mangsa diberi penjagaan terbaik

- Proses rawatan di hospital, PPS dalam keadaan terkawal
- KKM pantau individu berpenyakit, tahap melecuk

SUBANG JAYA – Keperluan perubatan dan kesihatan mangsa kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini yang kini berada di pusat pemindahan sementara (PPS) akan dipastikan

berada dalam keadaan optimum.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, berkata, langkah berkenaan diambil bagi memastikan mangsa yang dikenali pasti mempunyai penyakit sedia ada menerima penjagaan kesihatan yang terbaik sepanjang tempoh penempatan mereka.

"Saya mendapati penjagaan kesihatan ini tidak tergendala, dan kami juga menggunakan MySejahtera yang memberi maklumat secara segera berkaitan ubat yang diperlukan oleh mang-

sa-mangsa ini.

"Selain itu, Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) memastikan sokongan emosi dan kestabilan mental mangsa dalam keadaan yang sejahtera.

"Ada pesakit yang mengalami tahap luka terbakar (burn) darjah kedua hingga ketiga, malah ada yang lebih teruk, namun mereka yang parah semuanya sedang dirawat dengan baik," katanya pada sidang akhbar di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra

Heights di sini semalam.

Sementara itu, Dr. Dzulkefly berkata, beliau telah turun pandang melawat mangsa di beberapa hospital termasuk Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang, Hospital Shah Alam dan Hospital Sultan Idris Shah (HSIS).

Katanya, hasil tinjauan itu mendapati semua hospital terlibat berada dalam keadaan yang amat terkawal dengan rawatan yang diberikan berjalan lancar.

"Setakat ini, hanya satu pesakit yang memerlukan rawatan

rapi (ICU) dan memerlukan bantuan intubasi serta alat ventilator. Selebihnya hanya memerlukan bantuan oksigen," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa operasi melibatkan pegawai perubatan di pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights akan dilanjutkan dalam tempoh seminggu lagi.

"Kita akan terus beroperasi sehingga mungkin kurang lebih seminggu lagi dan kita lihat bagaimana harap-harapnya tidak ada yang lebih teruk daripada ini," ujarnya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

6

Nasional

BH m/s 6 NASIONAL 5/4/2025 (SABTU)
Letupan paip gas di Putra Heights



Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad melawat mangsa di Pusat Pemindahan Sementara di Masjid Putra Heights, Subang Jaya, semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

SH M/S 4 NASIONAL 5/4/2025
(SABTU)

46 masih dirawat, seorang di ICU - KKM

PUTRAJAYA - Seramai 46 orang daripada keseluruhan 134 mangsa yang terlibat dalam tragedi kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya Selasa lepas masih menerima rawatan di hospital dan klinik.

Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan daripada jumlah itu, 26 mangsa dirawat di hospital kerajaan termasuk seorang di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Ampang manakala 20 mangsa lagi di fasiliti swasta.

“Seorang lelaki berumur 65 tahun sedang dirawat di ICU setelah mengalami enam peratus partial thickness burn, chemical pneumonitis dan diaphragmatic hernia dan dirawat dengan high flow nasal cannula,” menurut data harian dikeluarkan KKM.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

NST M/S 9 NATION 5/4/2025 (SABTU)

INSURANCE PREMIUM HIKES

PAC to organise 5 more closed proceedings this month

KUALA LUMPUR: The Public Accounts Committee (PAC) will hold five more closed proceedings this month on the increase in health insurance premiums, private hospital charges and their impact on public health.

This will be followed by the preparation of a comprehensive report that will be presented during the parliamentary session in June.

PAC member Sim Tze Tzin said two public hearings and 12 closed proceedings had been conducted since February, involving stakeholders such as the Finance Ministry, Health Ministry and Bank Negara Malaysia.

"PAC will call several more stakeholders, including Bank Negara (for the second time) and the Malaysian Medical Council, after the festive season, aiming to improve recommendations," he said.

Sim, who is Bayan Baru member of parliament, said 17 pro-

ceedings had also been held to gather feedback from those affected by the price increases from private hospitals and insurance companies.

"In May, we will prepare a detailed and comprehensive report before presenting it to Parliament in June," he added.

"We hope that this report can assist the government in formulating policies that benefit the people."

Meanwhile, the price display mandate for private clinics and hospitals will take effect on May 1, in line with the pricing transparency policy for healthcare services.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad was reported as saying this policy would allow verification of medication charges in insurance claims, ensuring they did not exceed displayed prices and that charges were not arbitrarily increased.

Since last year, the insurance and takaful industry has attract-



The price display mandate for private clinics and hospitals will take effect on May 1. NSTP FILE PIC

ed attention due to a sharp rise in medical premiums, reported to be between 40 per cent and 70 per cent, following claims of high medical costs.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has directed Bank Negara and the Health Ministry to establish control mechanisms to ensure that premium increases are justified and do not burden the people.

In December, Bank Negara announced four interim measures to provide temporary support to address the impacts of insurance and medical takaful premium adjustments.

Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 18 NASIONAL 5/4/2025-(SABTU)

Ambil suplemen untuk sihat tetapi bawa mudarat

Ramai terpengaruh
suplemen boleh ganti
makanan sebenar

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Amalan pengambilan suplemen kesihatan secara semeronon yang menjadi trend masa kini boleh memberi kesan ketidakseimbangan nutrisi dalam badan pengguna, keracunan seterusnya boleh membawa kematian.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Dr Safiya Amaran berkata, ramai pengguna terpengaruh dengan idea bahawa suplemen boleh menggantikan makanan sebenar termasuk nasihat pemilihan suplemen berdasarkan jenis darah.

Sedangkan menurutnya, pengambilan suplemen mengikut jenis darah tidak disokong oleh mana-mana bukti saintifik yang kukuh.

"Keperluan nutrisi individu lebih bergantung kepada faktor seperti tahap kesihatan semasa, sejarah perubatan, status pemakanan dan gaya hidup, bukannya semata-mata jenis darah.

"Statistik daripada Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 menunjukkan bahawa dua daripada lima orang dewasa di Malaysia tidak membuat pemeriksaan kesihatan dalam tempoh 12 bulan sebelumnya dan tidak mengetahui tahap kesihatan terkini mereka.

"Justeru, kebanyakan mereka tidak

mendapatkan nasihat kesihatan terlebih dahulu sebelum memulakan pengambilan produk suplemen.

"Ini meningkatkan risiko berlaku ketidakseimbangan nutrisi dalam badan, keracunan atau interaksi negatif dengan ubat-ubatan yang sedang diambil," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau menjelaskan, antara bahaya pengambilan suplemen tanpa ilmu yang betul termasuk kekurangan vitamin dan mineral akibat pengambilan dalam dos yang berlebihan serta kesan bahaya bahan kimia terlarang.

Sebagai contoh, pengambilan vitamin A secara berlebihan dan kronik boleh menyebabkan kerosakan hati, keguguran rambut, sakit sendi serta masalah tulang dan kulit.

Selain itu, pengambilan suplemen yang mengandungi sibutramine, iaitu sejenis bahan kimia dan ubat yang mengurangkan rasa lapar juga boleh mengurangkan bahaya. Ia banyak digunakan dalam terapi obesiti terutama bagi mereka yang ingin menurunkan berat badan.

"Penjualan sibutramine di Malaysia juga telah diharamkan pada tahun 2012

kerana ia berupaya meningkatkan risiko serangan jantung dan strok selain kesan sampingan terhadap sistem saraf pusat, saluran gastrousus dan sistem organ lain," katanya.

Tambah beliau, kegagalan buah pinggang akut boleh berlaku akibat pengambilan suplemen pelangsing badan yang dibeli secara dalam talian sebagaimana beberapa kes yang pernah dilaporkan.

"Satu kes yang pernah dilaporkan, seorang mangsa di Singapura dimasukkan ke hospital kerana mengalami halusinasi dan kegagalan buah pinggang yang teruk selepas menggunakan sejenis pil kurus.

"Pada tahun 2024, seorang wanita berusia 30-an mengalami kegagalan buah pinggang selepas mengambil suplemen pelangsing tanpa nasihat doktor," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, satu lagi salah faham yang perlu diperbetulkan adalah kepercayaan bahawa produk suplemen yang dilabel sebagai 'semula jadi' atau 'herba' sebagai selamat sepenuhnya.

Hakikatnya, pelbagai produk yang mendakwa bersifat semula jadi sebenarnya mengandungi bahan kimia tersembunyi yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi telah mengharamkan beberapa produk herba yang dicampur dengan steroid dan ubat kuat lelaki yang tidak disyiharkan, yang boleh meningkatkan risiko tekanan darah tinggi, kegagalan buah pinggang, strok, dan serangan jantung," katanya.

Sehubungan itu, tegasnya, penggunaan diingatkan bahawa fokus utama dalam pemakanan harian adalah pengambilan makronutrien yang mencukupi daripada makanan seimbang.

Jelasnya, karbohidrat membekalkan tenaga, protein membina dan memulihkan tisu tubuh, manakala lemak sihat membantu fungsi hormon dan penyerapan vitamin larut lemak seperti vitamin A, D, E dan K.

"Suplemen pula hanya melengkapkan keperluan mikronutrien apabila terdapat kekurangan yang telah dikenal pasti. Oleh itu, suplemen tidak harus menjadi amalan rutin sewenang-wenangnya tanpa keperluan yang sah," tambahnya.



DR SAFIYA

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN MIS 6 NASIONAL 5/4/2025 (SABTU)

PAC teruskan lima lagi prosiding tertutup

Ia berhubung peningkatan bayaran premium insurans kesihatan, caj hospital swasta

KUALA LUMPUR

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan lima lagi prosiding tertutup bulan ini berhubung peningkatan bayaran premium insurans kesihatan, caj hospital swasta dan impak kepada kesihatan awam sebelum menyediakan laporan penuh.

Ahli PAC Sim Tze Tzin berkata, laporan penuh itu dijangka dibentangkan pada sesi persidangan Dewan Rakyat pada Jun depan.

Menurutnya, sejak Februari lepas, sebanyak dua sesi pendengaran awam dan 12 prosiding tertutup telah dilaksanakan membabitkan pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Kewangan (MoF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"PAC akan memanggil beberapa lagi pihak berkepentingan seperti BNM (buat kali kedua)



Sejak tahun lepas, industri insurans dan takaful menjadi tumpuan berikutan premium perubatan naik mendadak. - Gambar hiasan



TZE TZIN

dan Majlis Perubatan Malaysia selepas Aidilfitri, bertujuan untuk penambahbaikan syor," katanya ketika dihubungi.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru berkata, secara keseluruhannya, sejumlah 17 prosiding dan dua sesi pendengaran awam diadakan bagi men-

dengar sendiri maklum balas daripada rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga tidak terkawal oleh hospital swasta dan pihak insurans.

"Kemudian pada bulan Mei, kami akan membuat persiapan laporan secara terperinci dan menyeluruh sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pada Jun.

"Kami berharap laporan tersebut boleh membantu kerajaan membuat polisi atau dasar yang membantu rakyat," katanya.

Setakat ini terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dilakukan kerajaan seperti mewajibkan fasiliti kesihatan swasta untuk memaparkan harga ubat bermula 1 Mei.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dilaporkan berkata, dengan cara tersebut caj ubat-ubatan dalam tuntutan insurans boleh disemak supaya harga ubat tidak melebihi harga yang dipaparkan dan caj ubat-ubatan tidak sewenang-wenangnya dinaikkan.

Sejak tahun lepas, industri insurans dan takaful menjadi tumpuan berikutan premium perubatan naik mendadak antara 40 hingga 70 peratus. - Bernama